

NOVEL *TAQDIR* RAHMAN HAJI YUSOF: ANTARA REALITI, JATI DIRI DAN IMAGINASI

Taqdir Rahman Haji Yusof's Novel: Between Reality, Self and Imagination

Rasidah Omar @ Abdul Aziz & Norazimah Zakaria*

^{1,2} *Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

¹rasidahchempaka@gmail.com & ²norazimah@fbk.upsi.edu.my*

*Penulis koresponden

Diterima: 25 Sept 2025; **Disemak semula:** 27 Okt 2025; **Diterima:** 24 Nov 2025; **Diterbitkan:** 26 Dis 2025

To cite this article (APA): Omar @ Abdul Aziz, . R. ., & Zakaria, N. (2025). Novel *Taqdir* Karya Rahman Haji Yusof : Antara Realiti, Jati Diri dan Imagination. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 87-102. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.8.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.8.2025>

ABSTRAK

Novel sering kali menjadi medan pentafsiran rekaan kehidupan manusia yang mencerminkan pengalaman hidup, realiti masyarakat dan imaginasi pengarang. Kajian ini menyorot dan meneroka unsur realiti, imaginasi dan jati diri yang ditonjolkan oleh pengarang, Rahman Haji Yusof dalam novel terkininya yang berjudul *Taqdir*. Penelitian ini berdasarkan analisis kandungan sebagai instrumen kajian yang berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan memanfaatkan Teori Pengkaidahan Melayu. Menerusi Pendekatan Moral, Pendekatan Firasat dan Pendekatan Kemasyarakatan membuktikan bahawa Rahman Haji Yusof berupaya meletakkan unsur realiti, imaginasi dan jati diri dalam novel *Taqdir* sebagai penggerak penceritaan sehingga tercetusnya konflik dan membentuk klimaks. Hasil penelitian mendapati unsur-unsur ini digambarkan oleh pengarang sebagai simbol kepada konsep dan idea yang lebih besar untuk menyampaikan pemikiran dalam novelnya. Impak daripada penelitian ini, memperlihatkan keupayaan Rahman Haji Yusof melunaskan permasalahan yang timbul bagi memastikan khalayak pembaca benar-benar dapat memahami dan menikmati hasil karyanya berdasarkan Teori Pengkaidahan Melayu dengan hasil kesusasteraan Melayu yang lebih mencabar dan lebih luas rangkumannya.

Kata Kunci: imaginasi, jati diri, realiti, masyarakat

ABSTRACT

Novels are often a field of interpretation of human life patterns that reflect life experiences, the reality of society and the imagination of the author. This study highlights and explores the elements of reality, imagination and identity highlighted by the author, Rahman Haji Yusof in his latest novel entitled *Taqdir*. This research is based on content analysis as a research instrument that is fully qualitative by utilizing the Malay Methodology Theory. Through the Moral Approach, the Intuition Approach and the Community Approach it is proven that Rahman Haji Yusof is able to place the elements of reality, imagination and identity in the novel *Taqdir* as the driving force of the narrative until the conflict breaks out and forms a climax. The results of the research findings of these elements are described by the author as symbols of larger concepts and ideas to convey thoughts in his novel. The impact of this research shows the ability of Rahman Haji Yusof to resolve the problems that arise to ensure that the readership can truly understand and enjoy his work based on the Malay Methodology Theory with the results of Malay literature that are more challenging and broader in their summary.

Keywords: *imagination, identity, reality, society*

PENGENALAN

Novel *Taqdir* merupakan karya Sasterawan Pahang, Rahman Haji Yusof yang diterbitkan oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang pada tahun 2023. Novel ini merupakan buah tangan terkini Rahman Haji Yusof yang mengungkap wacana membentuk lanskap budaya yang bukan hanya memantulkan realiti kehidupan dengan imaginasi pengarang. Sebaliknya novel ini memberi tafsiran yang lebih luas dalam membina penceritaan. Pengalaman dan lingkungan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan pengarang menjadi sumber inspirasi dalam proses kreatif penciptaan karya. Pemikiran yang disampaikan membentuk karisma Rahman Haji Yusof dalam menterjemahkan idea. Tidak ada kejituan makna tanpa pengalihan idea dari pengamatan pengarang yang diinterpretasikan dengan kehalusan dan ketelitian berkarya. Kepelbagaian karya menunjukkan kreativiti pengarang dalam sesuatu penciptaan.

Rakaman pemikiran dan catatan idea yang dikongsi dalam novel *Taqdir* ini memaparkan realiti kehidupan yang bertunjangkan falsafah budaya masyarakat yang mendukungnya. Oleh yang demikian, penggunaan karya kreatif khususnya novel menjadi titik tolak untuk melihat tingkah laku atau budaya manusia dalam pengungkap persoalan realiti masyarakat, jati diri dan imaginasi pengarang. Pengalaman sosial yang pernah dilalui oleh seorang penulis itu, secara tidak langsung memberi kesan positif kepada proses penciptaan sesebuah karya termasuklah genre novel (Norhayati, 2018).

Novel memiliki peranan penting dalam membentuk budaya dan jati diri masyarakat. Sebagai karya sastera, novel tidak hanya berfungsi sebagai hiburan, tetapi sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai, tradisi dan norma-norma sosial yang ada dalam masyarakat. Novel dianggap sebagai cerminan masyarakat yang membina realiti sosial, jati diri masyarakat serta imaginasi pengarang yang membentuk pemikiran pengarang. Bahkan novel merupakan medium pendidikan budaya yang memperkenalkan pembaca kepada nilai-nilai warisan bangsa dan berharap agar dapat mendidik masyarakat untuk lebih menghargai identiti budaya bangsa masing-masing (Fauzi, 2019).

Kemampuan Rahman Haji Yusof menghasilkan karya dengan memaksimumkan pemikiran dalam mengembangkan kreativiti ketika berkarya. Perkaitan unsur-unsur magis dan persekitaran serta budaya masyarakat melalui proses kreatif dalam menggerakkan pengalaman menjadi inspirasi penciptaan. Menurut Mana Sikana (2015), pengolahan dan pengalihan idea-idea yang baharu oleh pengarang merupakan titik penting dalam menyalurkan kebijaksanaan bagi mengetengahkan penciptaan kreatif seseorang pengkarya.

Dengan kata lain, novel *Taqdir* ini memperihalkan tentang manusia dan masyarakat yang tidak dapat dipisahkan. Keperihalan itu pula melalui proses pemilihan, pentafsiran dan penilaian oleh pengarang dan keadaan ini menghasilkan pandangan tentang manusia dan masyarakatnya. Realiti masyarakat dipertunjukkan bagi menjelmakan keperibadian dan jati diri, memasuki ruang emosi, fantasi dan bauran imaginasi dalam memerikan kelompok masyarakat. Pandangan inilah yang menjadi daya penarik kepada dunia sastera dan membawa erti kepada pembaca. Pembaca tidak mampu memperoleh pengalaman manusia tetapi sastera mampu memberikannya.

SOROTAN KEPENGANGAN RAHMAN HAJI YUSOF

Rahman Haji Yusof merupakan seorang penulis veteran yang prolifik telah dinobatkan sebagai Sasterawan Pahang pada tahun 2024. Sepanjang usia kepengarangan, Rahman Haji Yusof telah menyumbangkan pelbagai genre sastera seperti novel, cerpen dan puisi. Ternyata penganugerahan ini telah melonjakkan nama beliau dan sudah tentu karya Rahman Haji Yusof memberi kelainan berbanding pengarang lain.

Siti Khariah Mohd. Zubir (2012) menyatakan bahawa, setiap pengarang akan berusaha untuk menghasilkan karya yang dapat memenuhi kehendak diri dan khalayak pembaca. Pernyataan ini menandakan betapa anak jati Pahang ini mempunyai upaya dan keterampilan mengangkat harga diri dan martabat sastera pada suatu kedudukan yang bermaruah, malah lebih bererti. Dengan pengalaman yang luas, garapan karyanya melalui puisi, novel dan cerita pendek dinukilkan secara berestetika. Penglibatan beliau dalam penulisan memberi kesan dan sumbangan terhadap kesusasteraan negeri Pahang membentuk identiti bangsa melalui karya-karya mereka dan tidak lupa dalam merakam zaman, manusia dan kemanusiaan. Othman Puteh dalam buku *Pengisian Dunia Sastera* (1995) turut mengakui kewibawaan Rahman Haji Yusof sebagai seorang penulis dengan meletakkan persona pada karya kreatif dan imaginatif yang dihasilkan.

Bakat kepengarangannya mula membibit apabila novel *Warna-warna* (1977) karya sulungnya yang telah mendapat hadiah saguhati dalam Sayembara Novel GAPENA 1976. Novel ini kemudiannya diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Pada tahun 2007, novel *Tak Seindah Impian* memenangi tempat kedua dalam Sayembara Hadiah Sako 3 bagi kategori Novel Nasional anjuran Utusan Publications Sdn. Bhd. Novel *Gadis Tasik* pula telah memenangi tempat ketiga Sayembara Menulis Novel Citra Malaysia anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2016.

Bagi memastikan kesinambungan kesusasteraan ini, kehadiran sasterawan yang gigih, seperti Rahman Haji Yusof yang aktif berkarya tidak pernah bersandarkan dengan kewujudan sayembara mengarang. Seseorang pengarang cuba memperlihatkan karya-karyanya itu, merupakan kesedaran pengarang sebagai salah seorang anggota sosial dalam kelompok sosialnya. (Goldman, 1980). Disamping itu, pengarang juga harus memiliki kepekaan, persepsi dan berupaya mentafsir atau menanggapi kehidupan ini (Othman Puteh, 2001). Menurut Masuri S.N. (2003) pula, hasil penulisan banyak bergantung kepada lingkungannya di mana dia dilahirkan, pendidikan yang diterimanya, pengalaman dan penghayatannya pandangan dan sikap hidupnya.

Rahman Haji Yusof menulis karya berdasarkan pengalaman dirinya sendiri dengan lorekan jiwa yang meneliti, menghayati kehidupan dan pengalaman serta menghubungkannya dengan masyarakat sekeliling seperti mengangkat persoalan budaya dan kemasyarakatan tanah air dan bangsa Melayu. Kamariah Kamarudin (2010) menggambarkan misi kemanusiaan sekaligus membawa pembaca meneroka selok belok kehidupan dengan lebih terbuka, dan menginsafkan memperlihatkan semangat kerjasama, saling hormat menghormati, belas rasa simpati, bertolak ansur, dan memahami antara satu sama lain yang memperlihatkan hubungan manusia dengan manusia dirakam pengarang menerusi ilham beliau.

Pandangan Sasterawan Negara Rahman Shaari dalam *Bicara Karya Sastera* memperkatakan tentang novel *Bupala* (2004) karya Rahman Haji Yusof sebagai kebijaksanaan pengarang menentengahkan isu moral dan memujinya Rahman Haji Yusof menekankan perkara-perkara di atas (moral) ketika melukiskan *Bupala* (2007). Isu yang menunjukkan realiti masyarakat yang menggugah jati diri dari sudut pandangan imaginasi Rahman Haji Yusof.

Sekali lagi isu realiti masyarakat diperkatakan dalam novel *Tak Seindah Impian* yang memaparkan semangat jati diri dan imaginasi pengarang. Menurut Rebecca Ilham dalam *Mingguan Malaysia* 4 November 2012 mengulas novel *Tak Seindah Impian* dengan artikel yang bertajuk “Feminisme dalam Tak Seindah Impian” turut memperkatakan tentang kesungguhan dan keberanian Rahman Haji Yusof mengangkat watak-watak wanita dalam tema serius memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Rahman Shaari sekali lagi membicarakan karya Rahman Haji Yusof dalam *Bicara Buku* melalui tulisannya “*Tak Seindah Impian: Satu Bicara Stail, Teknik, Perasaan dan Pemikiran Rahman Haji Yusof*” (2013). Beliau mengakui bahawa Rahman Haji Yusof memuatkan segi-segi pemikiran yang jarang diberi perhatian oleh penulis lain dan berupaya menimbulkan keistimewaan karya dan diakui cemerlang penghasilannya.

S.M. Zakir menyorot *Kepengarangan Rahman Haji Yusof dari Kaca Mata Pascakolonialisme* dalam Majlis Diskusi Ulung dan Bicara Tokoh (2003) menyatakan bahawa kepengarangan Rahman Haji Yusof berpegang teguh kepada paradigma Melayu. Imaginasi yang memeta mindanya mempunyai hubungan yang akrab dengan persoalan hidup yang digelumangi oleh masyarakat menggunakan sepenuhnya kekayaan alam Melayu sebagai teras pemikiran dan pembinaan sempadan nilai. Seterusnya melahirkan dampak yang bersifat emotif melalui penggaluran cerita yang mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu. Jelas, Rahman Haji Yusof telah membina satu galur kepengarangan yang cukup kuat berpegang kepada tradisi dan persekitaran dunia Melayu menjadi identiti kepengarangannya dalam membina ruang lingkup pemikiran masyarakat Melayu.

Menurut Osman Ayob dalam kajiannya yang berjudul *Moral, Perjuangan dan Fakta Sejarah dalam Novel Tak Seindah Impian* (2017) menyelongkar kepengarangan Rahman Haji Yusof tentang pengalaman peribadi pengarang yang membina zaman kanak-kanaknya dengan tekanan persekitaran dengan segala daya kreativiti dan imaginasi yang ada pada dirinya. Malahan novel *Tak Seindah Impian* ditulis kerana adanya tekakan perasaan, malah bercampur-baur dengan pengalaman peribadi, realiti rencaman hidup dan imaginasi.

Norazimah (2016) dalam Bicara Karya Penulis-penulis Pahang membuat pembentangan tentang “Komplikasi Neurosis Watak Utama Moly dalam novel *Gadis Tasik*” berdasarkan penelitian terhadap karya Rahman Haji Yusof, wujud keseragaman atau kesamaan dalam bentuk penyampaian pengalaman dan pengetahuan sejarah oleh pengarang dilihat sebagai sumber ilmu yang berfungsi sebagai cermin masyarakat tradisi. Novel ini bukan sahaja memperlihatkan konflik jiwa yang dialami oleh segelintir kelompok masyarakat tetapi turut mempertentangkan penerimaan dan pandangan masyarakat luar tentang budaya dan jati diri masyarakat Orang Asli yang diselitkan dalam bahagian-bahagian tertentu dalam karyanya.

Norazimah (2018) menambah lagi dalam jurnalnya “Komplikasi Neurosis Watak Utama Melalui Pendekatan Psikoanalisis dalam Novel *Gadis Tasik*” menegaskan sekali pendirian pengarang Rahman Haji Yusof yang melihat realiti kehidupan masyarakat Orang Asli di Pahang. Sudut pandangan dan idea pengarang yang dilihat sangat menarik dan wajar diketengahkan dalam fasa pembangunan ekonomi, pendidikan dan sosial serta pembangunan infrastruktur masyarakat Orang Asli diutarakan oleh pengarang dalam novel *Gadis Tasik*.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat pengarang menggunakan unsur-unsur realiti dalam masyarakat yang memberikan makna dengan menghubungkaitkan dengan jati diri pengarang bersandarkan pengalaman yang dikupas dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Kewujudan unsur-unsur firasat alam dan persekitaran dalam novel Rahman Haji Yusof berlaku disebabkan kreativiti dan pengalaman beliau yang luas.

Ijmal Husaini (2018) menyatakan Rahman Haji Yusof sebagai seorang penulis prolific dan mempunyai pengalaman yang terlalu banyak dalam bidang penulisan, yang mengemburkan realiti kejiwaan dan perjuangan gadis untuk membangunkan kaumnya dalam memperjuangkan hak bangsa Orang Asli. Hak yang selama ini dianggap mundur dan tidak pernah maju oleh masyarakat sekeliling dalam novel *Gadis Tasik*. Realiti perjuangan yang dalam membentuk jati diri ditunjukkan oleh Rahman Haji Yusof secara tidak langsung cuba membuka mata masyarakat bahawa masyarakat Orang Asli tidak mundur seperti yang dianggap malah mereka cuba untuk membangunkan bandar mereka sendiri.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan, dapat dikatakan bahawa Rahman Haji Yusof mempunyai pengalaman yang cukup luas. Hubungan karya dengan khalayak dikatakan berkait rapat dan pemaparan fenomena sosial dalam sesebuah karya adalah sesuatu yang relevan dalam konteks berkreaitif (Umar Junus, 1998).

Oleh itu, Rahman Haji Yusof sangat ketara mengungkapkan peristiwa dalam persekitaran, pengalaman yang dijadikan ilham dalam pengkaryaan. Karya-karya Rahman Haji Yusof mewujudkan unsur realiti masyarakat, imaginasi pengarang dan jati diri yang mempunyai makna yang tersendiri untuk ditafsirkan.

Dapat dikatakan bahawa kepengarangan Rahman Haji Yusof wajar diberikan perhatian oleh khalayak pembaca. Permasalahan yang dibawa dalam karya-karyanya perlu dikaji. Rujukan dan kajian yang dilakukan sebelum dan semasa menulis membuktikan kewujudan unsur-unsur realiti, imaginasi dan jati diri dalam menghasilkan karya bagi menyampaikan pemikiran dan ideanya. Oleh itu, permasalahan dilunaskan untuk memastikan khalayak pembaca benar-benar dapat memahami dan menikmati Rahman Haji Yusof dalam kajian novel terkini beliau *Taqdir* berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.

Berdasarkan kejayaan dan kewibawaan Rahman Haji Yusof menghasilkan karya-karya yang berkualiti setiap pengarang mempunyai fasa pembentukan dan perkembangan yang tersendiri (Nisah Haron, 2012). Bagi tujuan tersebut, Teori Pengkaedahan Melayu digunakan sebagai alat untuk menganalisis karya Rahman Haji Yusof. Kupasan idea dan pemikiran yang dikemukakan oleh Rahman Haji Yusof dalam kebanyakan karyanya khususnya novel menunjangkan pengetahuan dan amalan yang eksplisit (tersirat) hasil akal budi (kognitif) golongan cerdik pandai tempatan dalam menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan setempat. Hikmah yang terselindung di sebalik amalan ini perlu pengamatan untuk memahami sesuatu amalan dan tidak terlihat dengan pandangan mata kasar (Miranita, 2017).

Namun belum ada kajian terhadap karya terkini beliau iaitu novel *Taqdir* yang membicarakan tentang realiti kehidupan, imaginasi pengarang dan jati diri masyarakat yang diketengahkan dalam pemikiran pengarang ini. Oleh itu, artikel ini bertujuan memeperincikan elemen-elemen tersebut yang menunjangi pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian terhadap karya Rahman Haji Yusof ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif. Analisis deskriptif diaplikasikan dengan menganalisis data berdasarkan novel *Taqdir* karya Rahman Haji Yusof yang mencakupi rangkuman realiti kehidupan, imaginasi pengarang dan jati diri masyarakat yang digambarkan di dalam novel ini. Kaedah analisis dokumen digunakan bagi mendapatkan bahan rujukan atau bahan bacaan yang berkenaan dengan realiti masyarakat, imaginasi pengarang dan jati diri yang mendukung masyarakat dalam pemerian novel. Selain itu, buku-buku, artikel, jurnal dan latihan ilmiah juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan sekaligus memperkukuhkan lagi data yang dikumpul. Selain dari media cetak, pengumpulan maklumat melalui internet turut membantu dalam menambah data sebagai bahan kajian. Oleh itu, kajian ini hanya menggunakan kaedah kualitatif sahaja dalam mendapatkan bahan yang berkaitan dengan kajian. Hal ini kerana, kajian ini memerlukan pembacaan secara meluas mengenai novel dan teori yang dipilih. Kesemua buku dan sumber yang didapati dari kajian lepas pula dianalisis dengan teliti bagi melancarkan proses penghasilan kajian. Fokus juga diberikan kepada Teori Pengkaedahan Melayu iaitu teori yang digunakan dalam menjalankan kajian terhadap novel *Taqdir*. Pendekatan Moral, Firasat dan Kemasyarakatan digunakan untuk meneliti tiga unsur yang memayungi pemikiran Rahman Haji Yusof dalam novel *Taqdir*. Pembacaan rapi mengenai teori kajian ini sedikit sebanyak dapat melancarkan proses pelaksanaan kajian.

KERANGKA TEORI

Novel *Taqdir* karya Rahman Haji Yusof dibincangkan untuk mengkaji elemen realiti kehidupan masyarakat, imaginasi pengarang dan jati diri dalam membentuk pemikiran karya. Justeru, bagi menganalisis persoalan-persoalan yang berkaitan pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu dikira bertepatan

untuk merungkai persoalan-persoalan tersebut. Teori ini mempunyai pendekatan yang melihat sastera Melayu sebagai satu medium yang praktikal bagi mengupas isu-isu yang berkaitan dengan budaya masyarakat. Gagasan yang dibawa oleh Hashim Awang pada tahun 1989 ini melihat karya Melayu seharusnya dinilai dengan pendekatan dan budaya Melayu itu sendiri. Beliau melihat teori-teori Barat agak berat sebelah dan kurang sesuai untuk menginterpretasikan Kesusasteraan Melayu yang berteraskan jati diri bangsa Melayu dan agama Islam. Oleh yang demikian, Pengkaedahan Melayu diperkenalkan dengan dua pendekatan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan.

Pengkaedahan Alamiah berteraskan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupan. Terdapat tiga pendekatan di dalamnya iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat manakala Pengkaedahan Keagamaan lebih menjurus kepada landasan akidah dan takwa yang menjadikan al-Quran dan sunah sebagai pegangan. Pengkaedahan Keagamaan meletakkan Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni yang melambangkan kemurniaan dan keindahan Islam dalam menilai karya sastera. Kesusasteraan Melayu menerapkan nilai-nilai Islam dalam memberi makna kepada keagungan Ilahi dalam berkarya.

SINOPSIS NOVEL *TAQDI*

Novel terkini Rahman Haji Yusof *Taqdir* terbitkan oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang tidak terlepas dalam mengetengahkan isu-isu realiti masyarakat dalam membina jati dan imaginasi kreatif pengarang. Novel yang sarat dengan kisah masyarakat yang membina konflik lalu membawa kepada klimaks penceritaan. Novel *Taqdir* mengisahkan anak muda yang goyah prinsipnya dalam menghadapi getir kehidupan digarap oleh Rahman Haji Yusof dengan begitu bersahaja tanpa ada gangguan makna dalam penyampaian. Walaupun telah berkeluarga, dek kerana desakan hidup, Uzir watak utama menolak kehidupan di bandar, meninggalkan isteri dan anaknya. Sebaliknya membawa hati yang hampir berputus asa ke tengah rimba yang digelar Rimba Purapurawan untuk mendulang emas. Tidak hadir bersendirian, sebaliknya membawa sahabat baiknya, Abdullah bersama untuk mencuba nasib. Sahabatnya yang tenggelam dalam pergolakan rasa seorang pegawai tinggi kerajaan, yang ingin melihat masyarakatnya bebas dari rantai ketidakadilan dalam mengendalikan nasib masyarakat. Realiti kehidupan terus menyeret penceritaan dalam membentuk jati diri dari imaginasi pengarang. Penceritaan terus berkembang dengan realiti kehidupan yang sama-sama membawa hati ke rimba Purapurawan untuk membina kehidupan yang baharu bersama masyarakat Orang Asli suku Bateq. Jati diri masyarakat dipertunjukkan melalui imaginasi Rahman Haji Yusof dengan gambaran adat budaya masyarakat kaum asal, perkampungan bunian, haiwan magis, seperti pelanduk putih yang menjujung bongkah emas di tengah antara dua tanduknya dan kolam ajaib yang memberikan janji kehidupan dunia mewah yang dikejar manusia yang tamak haloba. Kerakusan manusia dalam mengejar kemewahan telah memusnahkan hutan. Rusuhan alam menjadikan klimaks penceritaan novel *Taqdir* yang memberikan impak yang besar kepada penyelesaian novel ini. Kisah-kisah yang disampaikan oleh Rahman Haji Yusof dalam novel *Taqdir* ini sangat dekat dengan realiti masyarakat yang berlandaskan imaginasi pengarang dalam membentuk jati diri.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dibuat, Pendekatan Moral, Pendekatan Firasat dan Pendekatan Kemasyarakatan digunakan untuk mengkaji novel *Taqdir* karya Rahman Haji Yusof. Kajian ini membuktikan bahawa karya Rahman Haji Yusof ini mengupas realiti kehidupan, imaginasi pengarang dan jati diri yang terbina dalam karya melalui Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu.

REALITI MASYARAKAT

Pendekatan Kemasyarakatan melihat sastera sebagai cerminan masyarakat. Realiti masyarakat merupakan sesuatu yang benar-benar berlaku di dalam kelompok masyarakat yang lahir daripada perilaku manusia dalam lingkungan masyarakat, membentuk suatu tingkah laku yang diterima oleh masyarakat menjadi sebuah realiti (Ros Anita, 2020). Rahman Haji Yusof membentangkan novel *Taqdir* sebagai hasil karya yang merakamkan realiti masyarakat. Lapisan masyarakat digambarkan perhubungan kelas budaya dan ideologi melalui perwatakan yang digalas oleh watak-watak mewakili golongan atasan seperti Abdullah, pertengahan Uzir dan bawahan Pak Mar. Dalam novel ini juga secara bijaksana Rahman Haji Yusof memaparkan kehidupan masyarakat etnik peribumi kaum Bateq tanpa prajudis. Sastera bertindak sebagai suatu manifestasi yang memperlihatkan semula peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang begitu luas bidangnya (Sara & Radna, 2022). Antara paparan realiti kehidupan yang digambarkan dalam novel *Taqdir* sebagai usaha pengarang menyampaikan mesej-mesej kemasyarakatan:

Kemiskinan

Kemiskinan merupakan situasi serba kekurangan yang melingkari kehidupan golongan bawahan. Kekurangan makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa serta tiada pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup. Islam menggariskan kemiskinan sebagai ketidakcukupan memenuhi keperluan asas dalam meneruskan kehidupan. Novel *Taqdir* meletakkan isu kemiskinan sebagai salah satu realiti kehidupan yang digambarkan oleh pengarang.

Suatu masa dahulu, kira-kira 10 tahun lalu, rumah-rumah setinggan itu sudah mula didirikan di situ. Pada mulanya lima keluarga sahaja, tetapi akhir-akhir bilangan itu semakin bertambah. Selepas selesa dengan cara kehidupan begitu walaupun dalam kemiskinan, tidak diduga pula mereka dikehendaki supaya mengosongkan tapak yang diteroka. Sama ada rela atau tidak, bersedia atau enggan itulah keputusan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa. Tidak ada sebarang rayuan lagi, kata pegawai yang menyampaikan surat notis. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Melalui petikan di atas, pengarang menggambarkan bahawa pihak berwajib seharusnya membantu golongan miskin bagi membangunkan ekonomi mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup. Bantuan kepada golongan miskin atau asnaf ini boleh disalurkan melalui dana yayasan atau pun kutipan zakat baitulmal. Golongan ini seharusnya dibantu bukannya ditindas dan dizalimi yang sama sekali bertentangan dengan syariat Islam. Pihak berkuasa secaranya menjalankan tanggungjawab secara berhemah tanpa menindas golongan miskin ini. Pengarang menyelitkan realiti kehidupan sebagai sisipan pesanan masyarakat kepada pihak yang berkenaan. Sementara peranan sastera itu merupakan pancaran kasih sayang dalam membentuk masyarakat yang sejahtera.

Hilang Prinsip Hidup

Prinsip merupakan asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran yang menentukan pendirian atau pegangan seseorang menjalani kehidupan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005) Seseorang itu perlu mempunyai prinsip yang membentuk pendirian sebagai usaha untuk mencapai cita-citanya. Umat Islam dilarang untuk berputus asa dalam meneruskan kehidupan walaupun dihalangi dengan pelbagai rintangan dan cabaran. Petikan al-Quran yang melarangkan untuk berputus asa dengan rahmat Allah.

“Hai anak-anakku, pergilah kamu, maka carilah berita tentang Yusuf dan saudaranya jangan kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya tiada berputus asa dari rahmat Allah, melainkan kamu yang kafir”. (Surah Yusuf: Ayat 87)

Rasa putus asa inilah antara ujian yang menilai prinsip. Rahman Haji Yusof meletakkan rasa putus asa pada watak Uzir selaku ketua keluarga yang lari dari masalah dengan membawa diri ke hutan Purapurawan. Sebagai ketua keluarga seharusnya dia memikul tanggungjawab untuk terus bersama keluarga walaupun telah menghadapi kegagalan dan syarikatnya hampir diisytiharkan muflis. Meninggalkan kota dengan membiarkan isterinya menguruskan anak-anak sendirian dilihat sebagai hilangnya prinsip sebagai ketua keluarga yang seharusnya tetap teguh berdiri walau betapa kuat badai yang mendera.

Hasnah membantah. Dia menuduh suaminya cepat mengalah. Kata Hasnah, sedang dunia berlumba-lumba mengejar kebendaan, Uzir pula bersikap mengalah! Maka timbullah perbalahan. Masing-masing meninggi suara. Menegakkan kebenaran. Rancangan uzir walaupun belum muktamad tetap melukakan hati. Perancangan itu, kata Hasnah, tetap tidak diterima akal. Mundur. Tidak berpotensi. Masa hadapan mereka terus gelap. Perancangan sedemikian merupakan pemikiran orang yang enggan mengejar kemajuan. Jumud. Menjauhkan diri dari kota sedangkan kota kini jadi rebutan, tindakan pengecut!. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Tindakan Uzir yang dianggap pengecut oleh isterinya, Hasnah menjadi titik tolak kepada pergolakan rumah tangga yang telah mereka bina. Menghayati prinsip hidup itu penting dalam membina kehidupan yang harmoni. Realiti ini disisipkan oleh pengarang dalam novel *Taqdir* sebagai mesej kepada masyarakat supaya berpegang teguh kepada prinsip yang teguh.

Kerakusan Mencari Keuntungan

Kerakusan manusia mengaut keuntungan dengan memusnahkan alam bukan isu baru yang sering disampaikan oleh pengarang dalam karya. Realiti yang ditonjolkan dalam novel *Taqdir* menyebabkan bencana alam berlaku sehingga meragut nyawa. Sedar atau tidak, bencana alam semakin hari semakin mengganas membalas dosa manusia. Sudah menjadi kelaziman apabila berlaku bencana, pihak yang memusnahkan hutan bertindak diam seribu bahasa seolah-olah hilang dari muka bumi. Allah melarang manusia melakukan kerosakan di muka bumi. Sebagai khalifah di muka bumi ini sudah menjadi tanggungjawab menjaga dan memelihara alam ciptaan tuhan.

“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya.” (Surah al-A’raf: ayat 56)

Novel *Taqdir* meletakkan isu golongan yang tidak bertanggungjawab mengejar keuntungan untuk kemewahan hidup dengan meneroka hutan untuk mendulang emas. Ketamakan dan kerakusan manusia ini digambarkan sebagai kelompok yang sangat mementingkan diri sendiri tanpa sedar tindakan ini merosakan makhluk lain di muka bumi ini.

Beberapa malam yang lalu, seorang rakan memberitahukan perihal Purapurawan semakin tenat dicero bohi. Di sana sini pendatang-pendatang masuk untuk mendulang emas sesuka hati. Anak-anak sungai keruh. Tebing-tebing dicangkul. Tanah-tanah datar digali. Lubang-lubang ditinggalkan tanpa dikambus semula. Malah, kata rakan itu, setiap penjuru Purapurawan sedang dimasuki pendatang. Pendatang bukan sahaja mendulang emas, malah di kejauhan sudah kedengaran jentera menebang pokok. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Rahman Haji Yusof mengangkat realiti perlombongan emas haram dalam hutan simpan sebagai mesej pengajaran kepada pihak yang cuba melakukan aktiviti menyalahi undang-undang. Hutan Purapurawan menjadi tumpuan individu yang melakukan aktiviti mendulang emas secara haram yang termasuk menebang dan memindahkan balak tanpa permit. Seharusnya manusia memakmurkan alam sebagai tanda syukur atas rahmat yang telah dilimpahkan oleh Pencipta Yang Esa.

Kelestarian Alam

Manusia diberikan kelebihan untuk menjadi khalifah di muka bumi ini dan bertanggungjawab atas diri sendiri, keluarga, masyarakat, alam sekitar dan negara. Fungsi hakiki manusia dicipta adalah untuk menjaga dan memakmurkan bumi serta membangunkannya. Tanggungjawab dalam mengelola dan memanfaatkan sumber daya alam dengan bijaksana, menegakkan keadilan, serta menyebarkan kebaikan dan kedamaian dalam melestarikan alam agar dapat menciptakan kehidupan yang aman dan nyaman di bumi. Novel *Taqdir* mengetengahkan isu kelestarian alam sebagai satu tanggungjawab sosial pengarang dalam menghargai alam sekitar.

Di Purapurawan, flora dan fauna masih banyak. Kalau terusik pun, peratusnya tidak begitu tinggi, kata rencana itu. Purapurawan memiliki tanah luas, bergunung-ganang, berbukit-bukau di dalam hutan dara yang dari luarnya kelihatan masih belum terusik. Artikel itu menceritakan perihal Gunung Ti dengan panjang lebarnya. Tentang uniknya kayu-kayan yang berbanai besar berusia ratusan tahun, malah ada yang ribuan tahun yang tidak mungkin dimiliki oleh tempat lain. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Purapurawan dilukiskan oleh pengarang dengan keindahan hutan dara yang seharusnya dikekalkan agar manfaatnya dapat dinikmati oleh sekalian umat manusia. Pengarang menjadikan keindahan alam yang perlu dilestarikan sebagai latar penceritaan agar isu kelestarian alam ini sentiasa dekat dengan masyarakat sebagai memupuk kesedaran. Pemeragaan unsur alam dalam novel *Taqdir* ini memberi nilai keindahan yang perlu dikelkan. Impak yang besar melanda masyarakat jika alam tidak dilestarikan dengan bijaksana.

Diskriminasi Kepada Masyarakat Peribumi

Masyarakat Orang Asli sering menjadi mangsa diskriminasi terutama dalam mempertahankan pemilikan tanah adat akibat daripada pembangunan yang menguntungkan satu-satu pihak sahaja. Hak milik tanah yang tidak jelas menyebabkan mereka mudah kehilangan sumber pendapat dan tempat tinggal untuk meneruskan kehidupan. Realiti ini dilihat oleh Rahman Haji Yusof sebagai salah satu tanggungjawab sosial dalam membina kesedaran pelbagai pihak melalui karya. Melalui novel *Taqdir*, pengarang mengadun realiti kehidupan masyarakat etnik orang asal ini terpinggir dan terdedah kepada diskriminasi seperti pendidikan, ekonomi, kesihatan dan pemilikan tanah. Rahman Haji Yusof mengangkat realiti kehidupan masyarakat orang asli dalam novel *Taqdir* ini yang diwakili oleh suku etnik Bateq. Akhbar *Bernama* dalam fokus eksklusifnya menyorotkan masalah keciciran pendidikan Orang Asli pedalaman yang dianggap sebagai telah berakar umbi walaupun negara telah mencapai kemerdekaan hampir tujuh dekad (*Bernama*: 29 Disember 2022). Rahman Haji Yusof mengutarakan persoalan ini secara sinis dalam novel *Taqdir* yang memaparkan masyarakat Orang Asli masih dibelenggu dengan isu kemiskinan.

Sebelum ini, Purapurawan tidak pernah mendapat perhatian terutamanya tentang kehidupan masyarakat terasing itu. Pemerintah membiarkan mereka menjalani kehidupan bersendirian. Bilangan mereka tidak pernah dibanci. Kewujudan mereka tidak pernah diselidiki oleh mana-mana universiti atau pertubuhan. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Pandangan Rahman Haji Yusof dalam novel *Taqdir* ini sebenarnya menjentik pihak berwajib untuk turun padang bagi menyediakan infrastruktur dan keperluan yang dapat membina kehidupan yang lebih baik, sama seperti kaum dan etnik lain yang ada di Malaysia. Kehadiran mereka perlu dilihat sebagai sesuatu yang positif dalam struktur masyarakat. Stigma negatif yang sering dilontarkan kepada kelompok masyarakat ini perlulah dibuang jauh bagi membentuk lapisan masyarakat yang seimbang. Islam sendiri melarang untuk membeza-bezakan darjat bahkan diperintahkan untuk berlaku adil terhadap sesama manusia.

Ketidakadilan Sosial

Ketidakadilan sosial merupakan sesuatu pemikiran mengenai elemen dalam masyarakat yang dirasakan tidak mendapat layanan yang adil dan saksama dalam kelas sosial. Ketidakadilan dalam masyarakat merupakan realiti yang semakin berkembang kini yang dilihat boleh menggoyah keharmonian masyarakat. Rahman Haji Yusof menggambarkan ketidakadilan sosial dalam novel *Taqdir* sebagai sesuatu yang dianggap sebagai kudis yang membimbangkan. Dasar-dasar kerajaan yang digubal perlulah lebih tegas dalam mengatasi isu ini agar golongan bawahan tidak terus tertindas. Ketidakadilan sosial ini memberikan impak yang signifikan terhadap pembangunan negara.

Dia ingin melepaskan kesempitan yang mencengkam. Bukan sahaja untuk dirinya, malah seluruh bangsanya. Dia ingin melihat rakyat diberi keadilan dan hak sebenarnya. Perbezaan ideologi, terutama politik, seharusnya tidak menjadi tembok yang memisahkan agama dan keturunan dalam masyarakat majmuk! Pertimbangan untuk membahagikan sesuatu kepentingan tidak seharusnya diberikan keutamakan... Meninggalkan kesenangan diri sendiri sebagai protes terhadap ketidakadilan.
(Rahman Haji Yusof, 2023)

Berdasarkan pemenggalan novel *Taqdir* di atas, mencerminkan berlaku ketidakadilan sosial yang sehingga menjadi jurang yang tidak seimbang dalam kalangan masyarakat. Pengarang meletakkan Abdullah yang merupakan pegawai kerajaan yang dilantik untuk melakukan pembangunan negara secara adil menunjukkan protes terhadap tindakan pihak atasan dalam menentukan hak yang saksama dalam masyarakat. Langkah-langkah positifnya ditolak untuk memastikan masa depan masyarakat lebih adil dan seimbang tanpa mengira kaum dan entik.

JATI DIRI INSANIAH

Pembentukan identiti berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan berdasarkan prinsip-prinsip Islam merupakan jati diri insaniah yang disisipkan oleh pengarang dalam sesebuah karya dengan acuan budaya Melayu. Penerapan nilai positif dan negatif meletakkan perlakuan manusia yang bersifat pengalaman hidup sebagai maklumat yang dijadikan teladan untuk diikuti dan sebagai sempadan untuk tidak diteladani. Dalam Pengkaedahan Melayu, pendekatan moral merupakan pendekatan untuk menilai ragam dan perlakuan manusia dari aspek-aspek positif dan negatif bagi maksud dijadikan cermin perbandingan atau contoh teladan yang baik (Sara & Radna, 2022). Dalam novel *Taqdir*, ditonjolkan beberapa nilai moral yang membentuk jati diri kemanusiaan sebagai landasan dan sempadan untuk diteladani.

Perjuangan

Perjuangan sering kali menuntut kepada pengorbanan yang tinggi. Perjuangan itu sendiri merupakan mempertahankan sesuatu atau usaha untuk mencapai sesuatu. (Kamus Dewan, 2005). Dalam merealisasikan perjuangan sering kali, masa, tenaga, wang ringgit malahan nyawa sendiri perlu dikorbankan. Dalam Islam semangat juang perlu sentiasa ada dalam menegak syiar Islam. Membela kebenaran merupakan jihad dalam menentang kezaliman. Perjuangan memerlukan kesabaran, ketabahan dan keikhlaan dalam menghadapi

cabaran dan rintangan. Novel *Taqdir* pengarang meletakkan perjuangan sebagai sisi utama yang dikengah sebagai dasar ke pada pemikiran yang ingin disampaikan.

Perjuangan seperti itu kadang-kadang terhalang. Kadang-kadang tersekat tidak menentu. Tersentak dan terkejut. Namun, perjalanan nafas harus mengalir seperti kewajarannya. Wawasan perlu diteruskan walaupun dalam keadaan hidup yang terdesak dan terhalang. Perjuangan yang lurus kadang-kadang cepat terkandas. Perjuangan yang berliku-liku ada masanya beruntung. Ada masanya tunduk menyerah kalah. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Berdasarkan petikan novel tersebut, memperlihatkan keperitan untuk meneruskan perjuangan hidup. Jiwa yang besar dan kental perlu ada agar perjuangan yang dipertahankan itu berjaya sehingga ke penghujungnya. Perjuangan dalam memenuhi keperluan hidup kadang-kadang mengundang kekecewaan dan tewas untuk mencapai tujuan. Pengarang meletakkan watak Pak Mar, lelaki yang berusaha keras untuk kehidupan yang lebih baik agar semangat juangnya dapat dicontohi oleh pembaca.

Kegigihan

Keteguhan dalam mempertahankan pendirian untuk mencapai sesuatu tanpa mengira betapa sukar untuk memperolehinya merupakan kegigihan yang acap kali diutarakan oleh pengarang dalam sesebuah karya. Kegigihan itu sendiri merupakan sifat positif dalam mencapai impian. Tidak ada istilah berputus asa atau menyerah kalah bagi seseorang yang gigih untuk mencapai kejayaan. Dalam novel *Taqdir* kegigihan merupakan tema penting yang menggambarkan ketabahan dan keazaman dalam menghadapi cabaran dan mencapai matlamat.

Sebelum melangkah, dia berpesan kepada yang tinggal agar meneruskan tugas seperti biasa. Pekerja harus disegerakan. Mereka tidak sanggup lagi tinggal di bawah khemah walaupun di depannya ada anak sungai yang mengalir. Mereka tidak sanggup lagi berjalan jauh pada setiap hari. Masa terbang begitu sahaja. Jika bangsal dapat disiapkan segera, segeralah mereka berpindah ke situ. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Dalam novel *Taqdir*, pengarang memaparkan kegigihan para peneroka hutan untuk membina penempatan baharu di Purapurawan setelah kehidupan kota menolak mereka kerana kemiskinan. Mereka begitu gigih menggunakan tulang empat kerat walaupun tanpa bantuan jentera demi mendapatkan tempat berteduh. Kepingin dan rintangan dilalui dengan semangat waja agar dapat memberi kehidupan baharu kepada keluarga mereka terutamanya. Sekalipun terpaksa mengatasi cabaran, mental dan fizikal seperti berhadapan dengan binatang buas, puak orang asli namun tidak mematahkan semangat mereka untuk terus memenuhi keperluan untuk hidup.

Keberanian

Dalam novel, keberanian sering menjadi tema dalam memacu jalan cerita yang ditunjukkan pada watak-watak. Keberanian tidak hanya secara fizikal sebaliknya, keberanian membuat keputusan, menerima perubahan serta berjuang menentang kezaliman. Islam menanggap keberanian merupakan satu sifat terpuji dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang muslim. Pengarang novel *Taqdir* meletakkan peranan pemimpin yang berani mengetuai kelompoknya dalam menghadapi tentangan dan rintangan.

“Dengar!” kata Batin Keri. “Hutan ialah nyawa kita. Siapa lagi yang harus mempertahankan semua itu kalau bukan tubuh-tubuh kerdil yang berbilah-bilah ini? Siapa lagi yang ingin mengekalkan semua itu kalau bukan rakyat Purapurawan

sendiri? Kalau bangsa sendiri tidak menyedari hakikat mempertahankan tanah air, percayalah bahawa dalam masa yang singkat, bangsa itu akan tenggelam dalam banjiriran pendatang-pendatang luar!” Batin Keri menyentak lembing yang terletak di penjuru rumah. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Petikan novel menunjukkan keberanian ketua suku etnik Bateq, Batin Keri dalam mempertahankan kawasannya daripada diceroboh oleh orang luar dengan sewenang-wenangnya. Batin Keri sedaya upaya memastikan kedaulatan tanah air tidak dicabuli dengan sikap penakut sekelompok manusia yang membiarkan tanah terus diceroboh oleh bangsa asing. Pengarang seperti memberi sindiran kuasa atasan yang terus membiarkan perkara ini dari terus berlaku tanpa tindakan yang sewajarnya.

Kehormatan

Kehormatan lebih kepada kemuliaan, nama baik, harga diri, kesucian, maruah dan martabat. Menurut Islam, kehormatan merangkumi semua perkara kehidupan yang perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya terutama dalam menjaga hubungan (Norazlina & Juwairiah, 2015). Nilai yang mulia adalah untuk membentuk kehidupan yang lebih baik dan berkeperibadian tinggi.

Tetapi, jika kehadiran itu bertujuan mencerooboh, ingin merosakkan keaslian bumi Purapurawan, atau ingin menjadi sebahagian Purapurawan sebuah perlombongan terbesar, hingga menenggelamkan tanah pertiwi, maka terpaksa Batin Keri dan anak-anak buahnya bangun. Bertindak mempertahankan kehormatan mereka. Mereka tidak rela tanah watan ini terlepas ke tangan orang lain. Sebagai Batin, dia seharusnya menghalang tidak seinci pun tanah di bawah takluk bangsanya dicerobohi. Jika di luar sana pihak berkuasa menggunakan undang-undang, tentera dan polis, di sini, di Purapurawan mereka menggunakan lembing. Sumpitan. Parang dan apa-apa sahaja yang akan dijadikan perisai mempertahankan maruah bangsa! Jangan kita diperbodoh. Jangan kita termakan umpan. Jangan gelap mata melihat sogokan wang ringgit! Begitu tekad Batin Keri. Begitu kata-kata yang disampaikan kepada anak-anak buahnya. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Novel *Taqdir* meletakkan nilai kehormatan sebagai satu nilai yang mencerminkan imej bagi mempertahankan hak dan maruah diri. Walaupun masyarakat Orang Asli Bateq tidak berpendidikan tinggi namun bagi mereka hak pada tanah adat perlu mereka pertahankan selagi nyawa dikandung badan. Kezaliman dan penindasan serta pencabulan hak mereka perlu dibentasi walaupun tidak diambil peduli oleh pihak berkuasa. Selagi mereka berupaya, selagi itulah mereka mempertahankan maruah dan harga diri yang terus digadai waktu.

IMAGINASI PENGARANG

Daya kreatif yang disalurkan oleh pengarang dalam mencipta dunia, watak dan peristiwa yang tidak wujud di dalam realiti dianggap sebagai imajinasi pengarang untuk membezakan dengan karya-karya yang lain. Pengalaman yang unik, membolehkan pembaca menikmati satu “rasa” baru yang dapat menarik minat dan tidak klise dengan latar penceritaan yang sama. Bahkan, novel itu sendiri merupakan imajinasi pengarang yang dibukukan. Dalam Pengkaedahan Melayu, imajinasi pengarang sangat rapat dengan firasat atau penyampaian yang hampir seperti mimpi. Pemaknaan secara tersurat dan tersirat perlu dilakukan untuk memahami makna tafsiran (Sara & Radna, 2022). Dalam novel *Taqdir* unsur firasat diketengahkan sebagai imajinasi pengarang dalam membina kelainan dalam berkarya.

Mimpi

Petanda mimpi berbeza tafsirannya mengikut budaya dan kepercayaan masyarakat. Bahkan mimpi dikatakan sebagai refleksi dari emosi, pengalaman dan harapan seseorang, tetapi juga ada juga yang percaya bahawa mimpi boleh menjadi petanda atau isyarat mengenai masa depan. Kepercayaan Melayu biasa didengari tentang mimpi dipatuk ular, mimpi gigi patah, mimpi dikejar harimau memberi petanda yang baik atau pun buruk mengikut tafsiran makna masyarakat itu sendiri. Dalam Islam, tafsiran mimpi dibahagikan kepada tiga iaitu mimpi yang benar, mimpi mainan syaitan dan mimpi yang terkesan dalam kehidupan.

“Saya memang bersungguh-sungguh hendak ke sana. Sampaikan termimpi-mimpi.” Uzir mula bersuara... Dia teringat akan mimpinya pada malam pertama di pinggir sungai. Dia bertemu dengan kawasan air terjun yang menarik itu. Dia sengaja tidak memberitahu Abdullah tentang mimpinya itu. Dia yakin dirinya akan dipertemukan dengan gadis yang bukan berlari-lari di atas tebing. Tetapi sudah mulai berlari dalam mimpinya. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Walaupun mimpi sering dikatakan sebagai mainan tidur, namun pengarang meletakkan unsur mimpi sebagai penggerak kepada penceritaan yang seterusnya. Dalam *Taqdir*, tafsiran mimpi membawa kepada alamat atau pun petanda yang memberikan alamat baik iaitu keuntungan kepada yang bermimpi. Ini dapat dilihat kepada hasrat Uzir yang sememangnya berhasrat untuk ke hutan Purapurawan yang menjanjikan kekayaan dengan dengan aktiviti mendulang emas. Mimpi gadis sering dikaitkan dengan petanda kegembiraan. Pengarang meletakkan pemakaian mimpi sebagai penggerak kepada jalan cerita secara tersirat.

Unsur Mistik

Kepercayaan masyarakat tentang hal-hal mistik seperti orang bunian, ilmu hitam, rasukan dan sumpahan – berbeza mengikut kepercayaan dan keyakinan sendiri. Pelbagai andaian dibuat untuk menyingkap tabir misteri yang menyelubungi dunia mistik. Tidak kurang juga yang menjadikan sebagai kepercayaan turun-temurun. Namun ada juga yang sekadar mendengar penceritaan yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Sastera selalu meletakkan unsur mistik dalam penceritaan bagi menumbuhkan minat pembaca dengan pengetahuan baharu. Dalam Islam jika percaya kepada kekuasaan kuasa mistik ini boleh menyebabkan syirik.

Kata Batin Keri, kijang putih itu kadang-kadang tidak datang melalui terowong. Sebaliknya turun dari Kolam Puteri, tempat puteri-puteri bunian bermain, bernyanyi, bergurau, dan bermandi-manda. Sebelum puteri kembar – Ayu dan Kesuma – turun berenang di kolam, semua inang pengasuh bermain-main dengan kijang putih. Setelah kijang itu pergi, Puteri Ayu dan adiknya Puteri Kesuma membuka pakaian mereka, turun mandi, berenang di dalam air jernih dan dingin. Mereka dipagari inang pengasuh mengelilingi kolam. Kata Batin Keri; setelah merasai percikan air, kijang ajaib itu akan menyondol-nyondolkan kepalanya di tebing batu. Menurut kepercayaan masyarakat Bateq, ketika itulah sebongkah emas akan melekat di antara dua tanduk menjadi penyuluh ketika melalui terowong, kembali ke Kota Angin. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Novel *Taqdir* misalnya meletakkan keindahan alam bunian yang diperikan untuk menimbulkan keasyikan dari imaginasi pengarang itu. Kepercayaan Orang Asli menganggap hutan ini ada yang menjadi penunggu dan memelihara khazanah yang berharga. Kesilapan dalam pertuturan dan tingkah laku boleh memberi kesan yang buruk, seolah-olah unsur mistik ini mempunyai kuasa magis yang mampu bertindak balas atas

keburukan yang dilakukan. Melalui imajinasi pengarang ini memberi pendedahan yang baharu kepada pembaca tentang unsur mistik yang mempunyai hikmah disebaliknya.

Binatang

Mitos dipercayai oleh masyarakat terdahulu sebagai sesuatu yang pelik yang diwarisi melalui penceritaan tentang sesuatu kejadian melalui usaha makhluk ghaib. Mitos binatang seperti kijang putih yang dikatakan mempunyai aura tersendiri dilihat sebagai unsur mistik yang dikaitkan dengan orang bunian. Bahkan kijang putih itu dikatakan haiwan peliharaan golongan diraja orang bunian yang mempunyai unsur mistik kewujudannya. Dalam novel *Taqdir*, pengarang mengaitkan kijang putih sebagai binatang yang mempunyai kuasa luar biasa dan digambarkan sebagai penjaga emas di Purapurawan.

Menunggu kijang putih itu keluar dari terowong atau dari mana-mana pun. Berlari-lari di atas pantai landai. Atau melompat-lompat dari bonggol ke bonggol. Berenang-renang di dalam air. Sebelum senapang diangkat dan tembakan dilepaskan, kedatangan kijang itu perlu diawasi setelitinya. Kijang itu bukan kijang sebarang kijang. Seluruh kulitnya putih. Tanduknya bukan tanduk biasa. Tanduk itu sedikit besar daripada tanduk kijang biasa. Bercabang dua. Menjunjung emas. (Rahman Haji Yusof, 2023)

Perasaan tamak haloba para pencari emas mengambil jalan pintas dengan cuba membunuh kijang putih untuk mendapatkan bongkah emas yang terletak di antara dua tanduk itu bakal menimbulkan kesan yang buruk. Kijang putih itu merupakan penunjuk jalan ke arah letakan emas yang lebih banyak lagi. Unsur mistik yang digarap oleh pengarang ini sudah tentulah menjadi daya tarikan para pembaca untuk menikmati penceritaan seterusnya. Imajinasi pengarang ini menimbulkan rasa ingin tahu para pembaca untuk mengetahui kesudahan penceritaan.

KESIMPULAN

Novel *Taqdir* adalah gambaran realiti kehidupan yang disampaikan oleh pengarang dengan mengetengahkan unsur jati diri dan imajinasi. Jiwa pengarang yang mementingkan nilai budaya dalam kelompok masyarakat yang berlatarbelakangkan alam Melayu menjadi tema untuk dikupas dengan Teori Pengaedahan Melayu. Kehidupan masyarakat yang berlainan budaya diterjemahkan oleh pengarang secara subjektif dan kreatif dengan menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. Dari sudut pandangan membentuk jati diri, pengarang meletakkan nilai-nilai terpuji yang dijadikan contoh teladan oleh kelompok masyarakat dengan menggunakan Pendekatan Moral sebagai landasan kajian. Pendekatan Firasat mentafsir mimpi, kepercayaan mistik dan simbol sebagai sisipan imajinasi pengarang yang memandu idea penceritaan yang lebih kreatif dan menarik. Kesimpulannya, novel *Taqdir* adalah gambaran realiti kehidupan masyarakat, imajinasi pengarang dan jati diri mengikut berdasarkan gambaran fikiran dan imajinasi pengarang.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Institut Peradaban Melayu atas kesudian menerbitkan jurnal ini dan atas komitmen berterusan dalam memartabatkan penyelidikan berkaitan sastera Melayu moden terutamanya novel. Pengkaji menghargai sokongan moral dan intelektual daripada keluarga serta rakan seperjuangan yang terus menjadi pendorong dalam usaha mengembangkan khazanah ilmu dan memperkaya wacana peradaban Melayu.

RUJUKAN

- Ayob, O. B. (2022). *Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab FI Dalam Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Sarjana Sastera yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia
- Azean Idruwani Idrus, Iffah Sakinah Othman. (2023). *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Filem Mat Kilau Menerusi Dakwah*. Jurnal Bahasa dan Linguistik, 5(2), 88-100.
<https://doi.org/10.53840/ejbl.v5i2.152>
- Buhari, N., Hassan, N. A., Abd Aziz, N. N., & Saedin, M. S. (2022). Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28), 192-208.
- Che Abdullah Che Ya, (2018). *Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Prosiding Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu (BAYU 2018), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che, C. W. M. O. B., Azam, W. M., Roslan, N. A. B., Hanis, N., Rosazlan, A. B., Ramlee, N. H. B. M. & Warisan, F. T. K. D. (2022) *Aspek Moral Dalam Novel Di Sebalik Dinara Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. E-proceeding bagi Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Global 2022, 132.
- Chong Ah Fok, 2006. *Kajian Novel-novel Terpilih Brunei dari Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Brunei Darussalam.
- Cresswell, J.W. (2009). *Education Research, Planning, Conducting, Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Singapore: Pearson Merrill Practice Hall.
- Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Muis, A. M. R. A., & Othman, I. W. (2022). Projek Inovasi Sekolah: Elemen Kearifan Tempatan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 834-846.
- Fauzi Hasan. (2019). *Keunggulan Kepengarangan Faisal Tehrani dari Perspektif Teksdealisme*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Hashim Awang, 1989. *Novel Hikayat: Struktur Penceritaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Ijmal Husaini Ishak, 2018. *Pendekatan Psikologi dalam Novel Gadis Tasik*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamian, M. N., Hasanudin, M. I. W., & Torodji, A. S. (2023). *Imej Isteri Misali dalam Hikayat Melayu-Islam: Penerapan Metode Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu*. *Akademika*, 93(1), 237-250.
- Johari, H. Mohd, S., Nor, S. Mohd, F. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan, Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Jumali Hj. Selamat, 2000. *Cerminan Sosial dan Penerapan Nilai Muri dalam Novel-novel Remaja*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Kamariah Kamarudin, 2010. "Bandangan Persejaraan Hubungan Kaum Melayu-Cina dalam Novel-novel Melayu" dlm. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bandangan Pengajian Melayu-Pengajian Cina. Petaling Jaya: Universiti Tuanku Abdul Rahman, 101-109.
- Mana Sikana. 2015. *Sasterawan Negara di Tahta Keunggulan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Mohamed, R. A. K., & Paramasivan, N. (2020). Realiti Sosial Dalam Novel 'Orang Kota Bharu'. *Sains Insani*, 5(1), 173–179. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.177>
- Musa, J. D. M. *Pengkaedahan Melayu: Manifestasinya Dalam Kumpulan Cerpen Perempuan Kerudung Hitam*. PANGSURA Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara, Januari-Jun 2021, Bil.46, Jilid 24 p.43-63.
- Naffi Mat, (2010): *Puisi-puisi Dharmawijaya: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu dan Estetika*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Norazimah Zakaria. (2018). Komplikasi Neurosis Watak Utama Melalui Pendekatan Psikoanalisis dalam Novel Gadis Tasik. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*. 2 (7), 119-131.

- Norazimah Zakaria, 2016. "Novel Gadis Tasik Karya Rahman Haji Yusof". Bicara Karya Penulis Pahang anjuran Dewan Persuratan Melayu Pahang di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. 22 Disember 2016.
- Norazlina Hj. Mohd Kiram & Juwairiah Osman (2015) Nilai Kehormatan dalam Drama Tersasar di Jalan-Mu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(2), 2015: 27 - 42 <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2015-0302-03>
- Norhayati Md. Yatim (2018). *Kajian Intertekstualiti dalam Novel-novel Siti Zainon Ismail*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Osman Ayob. (2017). *Moral, Perjuangan, dan Fakta Sejarah dalam Novel Tak Seindah Impian*. Disertasi Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahman Haji Yusof, (2023). *Taqdir*. Kuala Lumpur: Dewan Persuratan Melayu Pahang.
- Rahman Shaari, (2007). "Bupala; Yang Berlaku dan Yang Berlakon". Bicara Karya Sastera anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. 28 April 2007.
- Rahman Shaari, (2013). "Tak Seindah Impian Karya Rahman Haji Yusof: Satu Bicara Stail, Teknik, Perasaan dan Pemikiran". Bicara Buku anjuran Persatuan Penulis Pahang di Green Park Hotel Temerloh. 24 Ogos 2013.
- Rebecca Ilham, (2012). "Feminisme dalam Tak Seindah Impian. *Ulasan Buku Mingguan Malaysia*. 4 November 2012, 23.
- S.M. Zakir, (2003). *Kepengarangan Rahman Haji Yusof dari Kaca Mata Pascakolonial*. Majlis Diskusi Ulung dan Bicara Tokoh Rahman Haji Yusof di Taman Budaya Kuantan Pahang. 16 Ogos 2003.
- S.Othman Kelantan (1998). Kritikan Melayu, *Dewan Sastera*, November. 53- 58.
- Umur Junus (1996). Manusia dan Alam, *Dewan Budaya*, November 1996: 38 – 39.